



KENYATAAN MEDIA  
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

**"ISU KANAK-KANAK DIDERA TASKA THE CASTLE FOR KID PUTRAJAYA"**

Susulan daripada kes yang telah menjadi viral di media sosial mengenai bayi berusia 4 bulan dipercayai didera oleh pengasuh Taska, saya berasa amat terkejut, sedih dan kecewa dengan kejadian yang menimpa bayi tersebut.

Kes ini telah disiasat oleh Pegawai Penyiasat di bawah Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap bayi tersebut.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Pelindung di daerah telah mengadakan siasatan terhadap Taska pada 1 Jun 2016 dan didapati Taska tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ekoran itu, JKM telah mengeluarkan surat peringatan untuk mendaftarkan Taska dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat. Sekiranya gagal dalam tempoh yang diberikan untuk mengemukakan dokumen yang diperlukan Taska boleh dilak.

Pengusaha juga akan menampal notis tutup sementara Taska bermula 6 Jun 2016 dan akan membuka semula Taska setelah didaftarkan. JKM memberikan perhatian serius terhadap kebajikan kanak-kanak tersebut dan memberikan khidmat kaunseling kepada ibu mangsa.

Saya berharap agar perkara ini tidak berulang lagi dan berharap semua pihak segera membuat aduan dengan menghubungi Talian Kasih 15999 untuk melaporkan tentang kes penderaan sebegini.

**YB DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
**4 JUN 2016**

\*\*\*

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Aras 35, Persiaran Perdana  
PUTRAJAYA Tel: 03-8323 1088 E-mel: [info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)